

Pak Chad buat bot PM

UM 31/10/2003 - 22 PRECISE

MINAT Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam bidang pelayaran tidak dapat dinafikan apabila beliau begitu mengagumi kegigihan wira samudera, Datuk Azhar Mansor yang berjaya berlayar dari timur ke barat secara solo selama 190 hari dengan Jalur Gemilang pada tahun 1999.

Dr. Mahathir juga menterjemahkan minatnya dalam bidang pelayaran dan maritim itu apabila begitu mengambil berat terhadap kemajuan

pembinaan marina kapal layar di Pulau Langkawi dan Kuala Kedah.

Terbaru, beliau melancarkan Pendaftaran Kapal Layar Langkawi (Langkawi Yacht Registration) di Pameran Kapal Layar Monaco 2003, di Monaco pada 27 September lepas.

Justeru itu tidak hairanlah semasa menjadi pengamal perubatan kira-kira 30 tahun lalu, Dr. Mahathir sudah pun memiliki bot dan gemar belayar menyusuri Sungai Anak Bukit dan Sungai

Kedah sehingga ke Pulau Payar dan Pulau Langkawi.

"Chad boleh buat bot?" Md. Arshad Md. Yusof, tukang kayu yang tinggal berjiran dengan Dr. Mahathir di Titi Gajah, Alor Star pantas menjawab: "Boleh Datuk Seri" walaupun beliau sebenarnya tidak pernah membuat bot, malah membuat sampan sekalipun.

Md. Arshad juga tidak pernah terfikir Dr. Mahathir akan bertanya hal itu kerana beliau hanya seorang tukang rumah kampung.

Selepas itu beliau mula menyalahkan diri kerana begitu cepat mengaku boleh membuat

bot.

Bagaimanapun hati Arshad lega kerana pada mulanya Dr. Mahathir hanya memintanya memperbaiki bot yang diberikan oleh Zahir Ismail (kini bergelar Tun). Itulah bot pertama Dr. Mahathir.

Selepas itu, Dr. Mahathir meminta Arshad membuat bot yang kedua, iaitu sebuah bot laju yang diperbuat daripada kaca gentian.

"Alhamdulillah jadi bot itu," kata Arshad dan Dr. Mahathir kemudian menamakan bot tersebut "Marina 14", mengambil sempena nama anak perempuannya.

Menurut Arshad, Dr. Mahathir gemar menaiki bot itu bersama isteri dan anaknya untuk bersiar sepanjang Sungai Anak Bukit yang terletak di belakang rumahnya.

Cabaran bagi Arshad tidak terhenti setakat membuat bot kedua itu sahaja kerana pada satu hari Dr. Mahathir membawa pelan sebuah bot lebih besar yang boleh dinaiki seramai 30 orang.

"Dr. Mahathir kata pelan bot itu ialah dari Scotland," cerita Arshad, 77, bekas seorang pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Parit dan Taliair (JPT) ketika ditemui.

Menurut Arshad, beliau membuat bot itu dengan papan lapis dan disalut dengan kaca gentian sementara kebanyakan peralatan bot seperti enjin dibeli sendiri oleh Dr. Mahathir.

"Kos membuat bot itu kira-kira RM4,000 ketika itu," katanya disulami dengan gelak ketawa mengenangkan cerita lama semasa berjiran dengan Dr. Mahathir.

Kata Arshad, setiap kali hendak pergi ke kliniknya di Pekan Melayu Dr. Mahathir akan singgah melihat botnya terlebih dahulu semasa bot tersebut dalam pembinaan.

"Apabila siap, sayalah tukang yang mengemudi bot itu. Kami pergi sampai ke Pulau Payar untuk

memancing," katanya.

Menurut Arshad lagi, selain Dr. Siti Hasmah, Dr. Mahathir juga sering mengajak rakan baiknya, Tun Zahir menaiki bot itu ke Kuala Kedah atau ke Pulau Payar.

Bagaimanapun selepas Dr. Mahathir memenangi pilihan raya Parlimen Kubang Pasu pada 1974 dan dilantik Menteri Pendidikan, Dr. Mahathir tidak lagi mempunyai masa untuk bersiar dengan bot yang dimilikinya itu.

Menurut Arshad, Dr. Mahathir membina rumah berhampiran rumahnya di Titi Gajah kerana ia terletak di tengah-tengah antara Alor Star dan Jitra.

Ini memudahkan Dr. Mahathir berulang alik ke kliniknya di Pekan Melayu Alor Star sementara isteri, Dr. Siti Hasmah berulang alik ke Pejabat Kesihatan Jitra.

Sebelum itu, Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah tinggal di kuarters kerajaan di dalam kawasan Pejabat Kesihatan Jitra.

Walaupun Dr. Mahathir seorang doktor, beliau juga tidak memisahkan dirinya dengan masyarakat setempat.

Sebab itu hingga kini beliau tidak melupakan masyarakat Titi Gajah. Setiap kali Hari Raya Aidiladha, beliau akan memberi beberapa ekor lembu untuk diagih-agihkan kepada penduduk di kawasan itu.

Sebagai jiran, kata Arshad, Dr. Mahathir juga mengambil berat terhadap pendidikan anaknya.

"Beliaulah yang mendorong anak sulung saya, Wan Fatimah supaya mengambil jurusan seni bina untuk mewarisi seni tukang yang saya miliki," kata Arshad.

Wan Fatimah yang pernah bekerja sementara di klinik Dr. Mahathir sementara menunggu keputusan peperiksaan, kini mempunyai firma arkitek sendiri di Alor Star.



MD ARSHAD Md Yusof menunjukkan bekas tapak jeti tempat Dr. Mahathir menaiki bot semasa bertugas sebagai seorang doktor menyusuri Sungai Anak Bukit di Kampung Titi Gajah, Anak Bukit.